



**ZAKAT PULAU PINANG  
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG (MAINPP)**

**NOTIS JAWATAN KOSONG**

**ZAKAT PULAU PINANG** adalah sebuah entiti di bawah **MAINPP** yang bertanggungjawab menguruskan kutipan dan agihan zakat di negeri Pulau Pinang. Visi kami adalah untuk mengungguli usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah melalui sistem pengurusan zakat yang profesional dan berteknologi.

Bagi memastikan hasrat dan tanggungjawab ini tercapai selaras dengan hasrat ZPP, kami memerlukan calon-calon yang berkebolehan dan bermotivasi tinggi serta berminat untuk berkhidmat dan membina kerjaya dengan kami bagi mengisi kekosongan jawatan yang ada.

**JAWATAN**

- 1. PENOLONG EKSEKUTIF (BAHAGIAN SUMBER MANUSIA)**
- 2. KERANI AM (BAHAGIAN HISBAH DAN INTEGRITI)**

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN**

Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang **berpengalaman** dan **memiliki kelayakan yang bersesuaian**:

- 1. PENOLONG EKSEKUTIF (BAHAGIAN SUMBER MANUSIA)**
  - 1.1 Memiliki **Diploma** dalam bidang **Pengurusan Sumber Manusia** atau lain-lain kelayakan berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
  - 1.2 Berpengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia dan dalam hal-hal berkaitan;

1.3 Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:

- i. Membantu dalam merancang, melaksana, dan menilai program latihan termasuk membuat analisa keperluan latihan (TNA) serta menyediakan laporan yang berkaitan;
- ii. Memastikan pematuhan terhadap dasar-dasar sumber manusia syarikat dan mempunyai pengetahuan yang luas dalam Akta Kerja 1955 dan Akta Perhubungan Perusahaan serta berpengalaman dalam menguruskan disiplin dan tata tertib pekerja mengikut prosedur;
- iii. Membantu dan berkemahiran dalam proses pengurusan dan penilaian prestasi pekerja dan KPI;
- iv. Membantu dalam proses perekrutan yang melibatkan semua urusan berkaitan termasuklah pengiklanan jawatan, tapisan calon, proses temuduga, pemilihan, perlantikan dan induksi;
- v. Menyediakan kertas kerja dan kertas laporan berkaitan jawatan;

1.4 Mahir dan cekap dalam perisian Microsoft Office (Word, Excel dan Powerpoint);

1.5 Berpengalaman berurusan dengan agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Perhubungan Perusahaan, Jabatan Tenaga Kerja dan sebagainya.

## **2. KERANI AM (BAHAGIAN HISBAH DAN INTEGRITI)**

2.1 Memiliki sekurang-kurangnya SPM atau mana-mana kelayakan yang sama taraf dengannya;

2.2 Mempunyai sekurang-kurangnya 1 tahun pengalaman kerja dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengkeranian dan operasi pejabat;

2.3 Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:

- i. Membantu Eksekutif Bahagian dalam pengurusan dokumentasi Undang – Undang, Sistem Pengurusan Kualiti, dan Integriti.
- ii. Menyedia, menyusun, mengemaskini dan menyimpan fail-fail syarikat;
- iii. Menyedia dan mengedarkan memo atau surat melibatkan Unit;

- iv. Melakukan penyeteman ke atas dokumen - dokumen syarikat secara manual/ online;
- v. Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

2.4 Mahir dan cekap dalam perisian Microsoft Office (Word, Excel dan Powerpoint).

### **SYARAT-SYARAT AM KELAYAKAN**

1. Warganegara Malaysia, beragama Islam dan berumur di antara 25 hingga 35 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
2. Calon-calun mestilah lulus sijil SPM / SPMV atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan (keutamaan akan diberikan kepada yang memiliki kredit dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan Matematik);
3. Calon-calun juga perlu mempunyai pengetahuan asas tentang agama Islam khususnya ilmu mengenai Pengurusan Zakat, berkebolehan dan boleh membaca Al-Qur'an dengan baik.

## CARA MEMOHON

1. Bagi calon yang berminat dan memenuhi semua syarat-syarat, sila kemukakan:
  - i. Borang Permohonan Kerja yang boleh dimuat turun di laman web <https://zakatpenang.com/sertai-kami/>
  - ii. Mengemukakan Borang Permohonan Kerja beserta resume dan Curriculum Vitae terbaru (CV) yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik (sertakan salinan sijil yang berkaitan), pengalaman kerja dan sekeping gambar bersaiz paspot. Sila nyatakan gaji terkini dan gaji yang dipohon.
2. Hanya permohonan berikut akan diterima:
  - i. Lengkap dan terang;
  - ii. Salinan dokumen-dokumen yang dilampirkan perlu disahkan oleh Pegawai yang berkeelayakan;
  - iii. Memenuhi syarat-syarat kelayakan yang dikehendaki;
  - iv. Disertakan gambar berukuran pasport atau salinan dokumen yang diperlukan;
  - v. Ditandatangani.

### **Permohonan Hendaklah Dikemukakan Kepada:**

**PENGURUS BESAR  
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN  
ZAKAT PULAU PINANG  
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang  
No.4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang**

Semua permohonan adalah sulit. Calon yang berkeelayakan dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan mestilah sampai kepada pihak kami sebelum atau pada **3hb November 2023 (Jumaat)**.